

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA BAGI MENGAMBIL HASIL

KUTIPAN HARIAN DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH JELEBU

NO. SEBUTHARGA : PDJKP 03/2017

.....
Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat – syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan mendapat kelulusan tapisan keselamatan bagi tempoh Kawalan Keselamatan Bersenjata Bagi Mengambil Hasil Kutipan Harian di Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu bagi tempoh **01 Januari 2018 hingga 31 Disember 2019 (2 tahun)**.

2. Borang – borang tawaran boleh didapati di Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu. Tawaran tuan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dimaterikan (*sealed*) dan hendaklah ditulis di sebelah kiri sampul surat sebut harga “Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bersenjata Bagi Mengambil Hasil Kutipan Harian di Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu PDJKP : 03/2017” dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Pejabat ini selewat – lewatnya pada **16 Oktober 2017 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengah hari**.

3. Tugas Perkhidmatan Kawalan Bersenjata Bagi Mengambil Hasil Kutipan Harian di Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu adalah seperti di lampiran “A”.

4. Borang sebut harga boleh didapati di Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu (Bahagian Khidmat Pengurusan) dengan harga RM 30.00 (Tidak Dikembalikan) selepas lawatan tapak.

5. Maklumat berkaitan Lawatan Tapak adalah seperti berikut :

Tarikh : 28 September 2017 (Khamis)

Masa : 9.30 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenaboi

Dokumen : **a) Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan**

- 220801 – Kawalan Keselamatan

b) Lesen Kementerian Dalam Negeri

Kehadiran : Diwajibkan dan boleh diwakilkan melalui surat perwakilan kuasa.

6. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan jabatan ini di talian 06-6136311 pada waktu pejabat.



(AZMAN BIN ABDULLAH)

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu

Tarikh: 14. 9. 2017

SKOP KERJA KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA BAGI MENGAMBIL HASIL KUTIPAN HARIAN DARI PEJABAT DAERAH DAN TANAH JELEBU

1. SKOP KERJA

- 1.1 Perkhidmatan Kawal Keselamatan Bersenjata bagi mengambil hasil kutipan harian dari Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu, menghantar dan menyerahkan kepada Malayan Banking Berhad (Maybank) Kuala Klawang untuk dikreditkan setiap hari.
- 1.2 Kutipan hendaklah diambil seperti ketetapan berikut:
- | | | |
|----------------|---|-----------------|
| Isnin – Khamis | - | Jam 2.30 petang |
| Jumaat | - | Jam 3.00 petang |
- 1.3 Slip pembayaran / penyata pemungut hendaklah dikembalikan kepada kerani kaunter pada hari berkenaan semasa kutipan diambil.
- 1.4 Pihak Kawal Keselamatan hendaklah menyediakan buku resit penerima wang kutipan yang akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak (Kawal Keselamatan dan pihak Pentadbir Tanah Daerah Jelebu).